

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

IMPORTANT NOTICE:

THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS AND IS NOT A DEPOSIT PRODUCT.

1. DEFINITION

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:-

- a) "**BMMB or The Bank**" means Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] and includes its branches and its successor-in-title and assigns.
- b) "**BNM**" means Bank Negara Malaysia.
- c) "**Business Day**" refers to a day on which financial institutions are open for business.
- d) "**Confirmation**" means, in relation to the Investment, a document or other evidence exchanged between the parties confirming the terms and conditions of the Investment.
- e) "**Force Majeure**" refers to any event in which the Bank is unable to perform any operations or to provide any services due to any reason beyond the Bank's control as per item 36 hereunder.
- f) "**FPR**" means Fund Performance Report which will be made available at BMMB website on quarterly basis. FPR is a requirement under Investment Account guidelines where all the information pertaining to the investment account fund will be presented to the IAH.
- g) "**Investment**" means the TIA investment into the *Wakalah* venture entered into between the IAH and the Bank. The customer, who is known as the Investment Account Holder (IAH), will be the capital provider who appoints the Bank as an agent and places the investment amount to be managed by Bank Muamalat Malaysia Berhad (the "Bank").
- h) "**Investment Account Fund**" refers to a fund or various funds which comprises of underlying assets or investment activities.
- i) "**Investment Account Holder (IAH)**" means the account holder of an Investment Account.
- j) "**IAH Suitability Assessment Form**" means the form that would entail the Bank gathering necessary information from the prospective IAH in order to form a reasonable basis for the Bank's recommendation.
- k) "**Investment Amount**" means, in relation to the Investment into the *Wakalah* venture, the amount invested refers to a combination of the initial investment amount and the periodic profit (if any) received by the IAH.
- l) "**Investment Date**" means the placement of the Investment Amount into the TIA account at any point in time.
- m) "**MACC**" means the Malaysian Anti-Corruption Commission.
- n) "**MEPS**" means Malaysia Electronic Payment System.
- o) "**Non-Principal Guaranteed Investment**" means the Investment Amount is not guaranteed/protected by the Bank and PIDM. There is a possibility of the IAH losing up to the Investment Amount invested.

NOTIS PENTING:

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET PENDASAR DAN IA BUKAN PRODUK DEPOSIT.

1. DEFINISI

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan unggulan berikut hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

- a) "**BMMB atau Bank**" bermaksud Bank Muamalat Malaysia Berhad [Company No. 196501000376 (6175-W)] dan termasuk cawangan-cawangan serta penerima serah hak.
- b) "**BNM**" bermaksud Bank Negara Malaysia.
- c) "**Hari perniagaan**" merujuk kepada hari di mana institusi kewangan dibuka untuk perniagaan.
- d) "**Pengesahan**" bermaksud, berkaitan dengan Pelaburan, dokumen atau bukti-bukti lain yang ditukar di antara pihak-pihak bagi mengesahkan terma dan syarat Pelaburan.
- e) "**Force Majeure**" merujuk kepada sebarang keadaan di mana pihak Bank tidak dapat untuk melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan apa-apa perkhidmatan disebabkan oleh mana-mana alasan yang di luar kawalan pihak Bank ini sepertimana yang dijelaskan menurut perkara 36 di bawah ini.
- f) "**LPD**" bermaksud Laporan Prestasi Dana yang akan dipaparkan di laman web BMMB pada setiap suku tahun. LPD adalah keperluan di bawah garis panduan Akaun Pelaburan di mana semua maklumat mengenai dana akaun pelaburan akan dibentangkan kepada PAP.
- g) "**Pelaburan**" bermaksud pelaburan TIA dalam usaha niaga Wakalah yang dimeterai antara TIA dan Bank. Pelanggan, yang dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan (PAP), akan menjadi penyelia modal yang melantik Bank sebagai ejen dan meletakkan jumlah pelaburan yang akan diuruskan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("BMMB").
- h) "**Dana Akaun Pelaburan**" merujuk kepada dana atau pelbagai dana yang terdiri daripada Aset Portfolio atau aktiviti pelaburan.
- i) "**Pemegang Akaun Pelaburan (PAP)**" bermaksud pemegang akaun bagi Akaun Pelaburan.
- j) "**Penilaian Kesesuaian PAP**" bermaksud penilaian yang dijalankan oleh Bank dalam mengumpul maklumat yang diperlukan daripada bakal PAP untuk membentuk asas munasabah bagi cadangan oleh pihak Bank.
- k) "**Amaun Pelaburan**" bermaksud, berhubung dengan pelaburan ke atas urus niaga Wakalah, jumlah yang dilaburkan merujuk kepada gabungan jumlah pelaburan awal dan keuntungan berkala (jika ada) yang diterima oleh PAP.
- l) "**Tarikh Pelaburan**" bermaksud perletakan Amaun Pelaburan ke dalam akaun TIA pada bila-bila masa.
- m) "**SPRM**" bermaksud Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.
- n) "**MEPS**" bermaksud Sistem Pembayaran Elektronik Malaysia.
- o) "**Pelaburan Tidak Dijamin Prinsipalnya**" bermaksud Amaun Pelaburan tidak dijamin/dilindungi oleh pihak Bank dan PIDM. Terdapat kebarangkalian PAP kerugian sehingga Amaun Pelaburan yang dilaburkan.

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(*Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia*)

- p) "**Product Disclosure Sheet (PDS)**" means document that disclose the information with regards to the offering of TIA product.
- q) "**Terms & Conditions (T&C)**" means the terms and conditions set out in this document and shall include any amendments, variations and supplements made from time to time by BMMB with prior notice and shall apply to all accounts unless specific account type terms to the contrary apply.
- r) "**TIA**" refers to the Term Investment Account.
- s) "**Trust Account**" means an account opened and maintained by an investor such as legal guardian(s) or parents acting as trustee for the IAH. Example, solicitors' account.
- t) "**Underlying Assets**" refers to financing assets originated by and presently recorded as assets in the books of the Bank.
- u) "**Wakalah**" refers to a contract where a party (*muwakkil*) authorizes another party as his agent (*wakil*) to perform a particular task on matters that may be delegated, with or without imposition of fee.
- v) "**Wakalah Bil Istithmar**" refers to a form of wakalah contract (or contract) entered into for the purpose of investment.

2. ACCOUNT OPENING

- 2.1 An application to open an account must be made in person or by authorized representatives of business entities using the forms provided by the Bank and subject to the Bank's requirements, such as age requirement, minimum investment, references and supporting documents acceptable to the Bank. The Bank may vary such requirements from time to time.
- 2.2 TIA is classified under the Unrestricted Investment Account where the IAH provides the Bank with a mandate to make the ultimate investment decision without specifying any particular restrictions or conditions. TIA is classified under the "Investment Account" classification of Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013.
- 2.3 As part of the Bank's fair dealing practice requirements and in compliance with the requirements under the Investment Account Guideline issued by BNM or any other relevant guidelines issued by BNM from time to time, the IAH, shall be subject to IAH Suitability Assessment Form (SAF) before accepting the investment into the TIA as TIA is a Non-Principal Guaranteed Investment.
- 2.4 The Suitability Assessment Form result conducted upon account opening will be valid if the IAH's financial profile does not deteriorate significantly. The IAH has the responsibility to update the Bank of their financial condition upon any new investments undertaken with the Bank.
- 2.5 Subject to the Shariah principles, the opening, operation and closure of the Account(s) will be at the discretion of the Bank and the Bank reserves the right to refuse any application to open any Account(s) by giving reasonable reason if the opening of Account(s) violates any rules and regulations by Bank Negara Malaysia and/or other authority, law enforced upon the Bank.
- 2.6 The IAH shall make a declaration of acceptance that the IAH shall be bound by the following:
 - a) Terms & Conditions of the TIA;

- p) "**Risalah Pendedahan Produk (RPP)**" bermaksud dokumen yang mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan penawaran produk TIA.
- q) "**Terma & Syarat (T&S)**" bermaksud terma dan syarat yang ditetapkan di sini dan termasuk mana-mana pindaan, perubahan dan penambahan yang dibuat dari semasa ke semasa oleh pihak BMMB beserta notis dan hendaklah terpakai kepada semua jenis akaun melainkan jika dinyatakan terma jenis akaun yang sebaliknya digunakan.
- r) "**TIA**" merujuk kepada Akaun Pelaburan Berjangka.
- s) "**Akaun Amanah**" bermaksud akaun yang dibuka dan diselenggarakan oleh pendeposit seperti penjaga yang sah atau ibubapa yang bertindak sebagai pemegang amanah bagi Pelanggan. Contoh, Akaun Guaman.
- t) "**Aset Portfolio**" merujuk kepada portfolio aset pembiayaan yang berasal daripada dan ketika ini direkodkan sebagai aset dalam buku akaun Bank.
- u) "**Wakalah**" merujuk kepada suatu kontrak di mana satu pihak (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai *wakil* untuk melaksanakan tugas yang tertentu, dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa bayaran tertentu.
- v) "**Wakalah Bil Istithmar**" merujuk kepada satu bentuk kontrak wakalah (atau kontrak agensi) yang dimeterai untuk tujuan pelaburan.

2. PEMBUKAAN AKAUN

- 2.1 Permohonan untuk membuka Akaun hendaklah dibuat oleh individu itu sendiri atau wakil yang diberikan kuasa oleh Pihak perniagaan menggunakan borang yang disediakan oleh pihak Bank dan tertakluk kepada syarat-syarat pihak Bank, seperti umur, deposit minimum, rujukan serta dokumen-dokumen sokongan yang diterima pakai oleh pihak Bank. Pihak Bank berhak membuat pindaan syarat-syarat tersebut dari semasa ke semasa.
- 2.2 TIA diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tanpa Had (APTH) di mana PAP memberi mandat kepada pihak Bank untuk membuat keputusan pelaburan secara muktamad tanpa menetapkan sebarang sekatan atau syarat tertentu. TIA diklasifikasikan di bawah klasifikasi "Akaun Pelaburan" Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI) 2013.
- 2.3 Sebagai sebahagian daripada syarat-syarat urusan saksama Bank dan dalam mematuhi syarat-syarat di bawah garis panduan Akaun Pelaburan yang dikeluarkan oleh BNM atau mana-mana garis panduan lain yang dikeluarkan oleh BNM dari semasa ke semasa, PAP, sama ada individu (runcit) atau bukan individu (korporat), tertakluk kepada Borang Penilaian Kesesuaian PAP (BPK) sebelum menerima pelaburan ke dalam TIA oleh kerana TIA adalah Pelaburan Tidak Dijamin Prinsipalnya.
- 2.4 Keputusan Borang Penilaian Kesesuaian yang telah dilakukan semasa pembukaan akaun adalah sah selagi profil kewangan PAP tidak merosot dengan ketara. PAP bertanggungjawab untuk mengemaskini pihak Bank berkenaan keadaan kewangan mereka semasa mana-mana pelaburan baru diambil dengan pihak Bank.
- 2.5 Tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah, pembukaan, pengendalian dan penutupan Akaun adalah tertakluk kepada budi bicara pihak Bank dan pihak Bank berhak menolak mana-mana permohonan untuk membuka Akaun dengan mengemukakan sebab yang munasabah jika permohonan tersebut melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 2.6 PAP hendaklah membuat pengisyiharan dan penerimaan bahawa PAP akan terikat dengan:
 - a) Terma & Syarat TIA;

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

- b) Regulations or directives by BNM;

- c) Laws of Malaysia.

2.7 TIA can be opened by:

- a) Individual

Any qualified individual or person above the age of eighteen (18). Any person below the age of 18 may open TIA with parents or a legal guardian to act as trustee. It is a condition that until the said minor attains the age of 18 years, any instructions of parents or a legal guardian alone shall be accepted and valid in respect of all transactions related to this account, or

- b) Non-Individual/Entity

Selected Business type as pre-determined by the bank such as Sole Proprietorship, Partnership, Professional Agency, Limited Liability Partnership and Companies under Micro & Small Category i.e. Non-Financial Public Enterprise and Others.

2.8 The tenor of the investment for any placement using cheque will commence upon the cheque clearance.

2.9 The IAH must have read the PDS, the T&C and all related documents, shall satisfy the Suitability Assessment Form and shall be recommended by the Bank prior to the opening of the TIA.

3. INVESTMENTS OBJECTIVES AND STRATEGIES

3.1 Objective: invest in a low-risk investment avenue and generate moderate returns (if any) over an agreed period of the investment based on the underlying risk profile of the assets.

3.2 Strategy: to invest in a secured and low risk retail financing asset, the existing Retail Financing assets (Personal Financing) for the purpose to safeguard the investment and to generate stable return (if any) to IAHs.

4. VALUATION METHOD AND FREQUENCY

4.1 The determination of returns (if any) to IAH will be done on monthly basis based on the valuation of the portfolio assets of the Fund in accordance to the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS).

4.2 The investment return (if any) shall reflect the prevailing expected or actual returns (whichever is lower) at the point of maturity.

5. INVESTMENTS

5.1 For the placement of investment, the IAH shall be required to do the following:

- a) Satisfy the account opening procedures including completing the account opening forms ("Application Form"), IAH Suitability Assessment Form, read the PDS and the T&C.
- b) Place the sum of money equivalent to the initial Investment Amount at the specified tenor.

5.2 TIA shall not be assignable or transferable nor be charged or pledged as security to any party other than the Bank.

5.3 The IAH hereby agrees that the IAH shall hold the Bank free from any liability and indemnifies the Bank against any loss, claims, damages, costs and expenses whatsoever brought or claimed by any party and/or incurred and sustained by the Bank as a result of acting as agent for IAH in performing the investment function or in enforcing the T&C herein contained or incurred by the Bank in any legal proceedings of whatever nature save and except for any loss or damage caused by the gross negligence, fraud or willful misconduct of the Bank.

- b) Peraturan atau arahan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia;

- c) Undang-undang Malaysia.

2.7 TIA boleh dibuka oleh:

- a) Individu

Mana-mana individu yang berkelayakan ataupun individu yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas. Mana-mana individu di bawah umur 18 tahun boleh membuka TIA dengan ibu/bapa atau penjaga yang sah bertindak sebagai pemegang amanah. Ia adalah satu syarat nyata bahawa sehingga individu bawah umur tersebut mencapai umur 18 tahun, arahan-arahan daripada ibu/bapa atau penjaga yang sah sahaja akan diterima dan sah bagi semua urus niaga yang berkaitan dengan akaun tersebut.

- b) Bukan Individu/Entiti

Kategori perniagaan yang tertentu ditetapkan oleh bank seperti Pemilikan Tunggal, Perkongsian, Agensi Profesional, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Syarikat dibawah kategori Mikro & Kecil seperti Perusahaan Awam (bukan Kewangan) dan lain-lain.

2.8 Tempoh pelaburan yang menggunakan cek hanya akan bermula setelah cek tersebut dijelaskan.

2.9 PAP mestilah telah membaca RPP, T&S dan semua dokumen yang berkaitan, hendaklah memenuhi penilaian kesesuaian dan disyorkan oleh pihak Bank sebelum pembukaan TIA.

3. OBJEKTIF PELABURAN DAN STRATEGI

3.1 Objektif: untuk melabur dalam saluran pelaburan berisiko rendah dan menjana pulangan sederhana (jika ada) dalam tempoh pelaburan yang dipersetujui berdasarkan profil risiko aset asas.

3.2 Strategi: untuk melabur dalam aset pembiayaan runcit yang selamat dan berisiko rendah, aset Pembiayaan Runcit sedia ada (Pembiayaan Peribadi) bagi tujuan melindungi pelaburan dan menjana pulangan yang stabil (jika ada) kepada PAP.

4. KAADAH PENILAIAN DAN KEKERAPAN

4.1 Penentuan pulangan (jika ada) kepada PAP akan dilakukan secara bulanan berdasarkan penilaian aset portfolio Dana mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (PLKM).

4.2 Pulangan pelaburan (jika ada) adalah berdasarkan jangkaan atau pulangan sebenar semasa (yang mana lebih rendah) pada tarikh matang.

5. PELABURAN

5.1 Bagi memulakan pelaburan, PAP hendaklah melaksanakan perkara-perkara berikut:

- a) Melengkapkan prosedur pembukaan akaun termasuk melengkapkan borang pembukaan akaun ("Borang Permohonan"), Borang Penilaian Kesesuaian PAP, membaca RPP dan T&S.

- b) Memasukkan sejumlah wang bersamaan nilai Amaun Pelaburan pada tempoh yang ditetapkan.

5.2 TIA tidak boleh diserah hak atau dipindah milik atau digadaikan atau disandarkan sebagai cagaran kepada mana-mana pihak selain daripada Bank.

5.3 PAP dengan ini bersetuju bahawa PAP hendaklah melepaskan pihak Bank daripada sebarang liabiliti dan melindungi hak Bank terhadap sebarang kerugian, tuntutan, ganti rugi, kos dan perbelanjaan walau apa sekalipun yang dibawa dan dituntut oleh mana-mana pihak dan/atau ditanggung dan dialami oleh Bank akibat daripada bertindak sebagai ejen bagi PAP dalam menjalankan fungsi pelaburan atau dalam menguatkuasakan T&S yang terkandung di sini atau ditanggung oleh Bank dalam mana-mana prosiding undang-undang dalam apa ju bentuk dan kecuali bagi sebarang kerugian

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

5.4 The IAH agrees and covenants that every investment placed shall be accompanied by a prescribed slip, form and/or receipt issued by the Bank and by production of any other documents by the IAH that may be required by the Bank. A receipt issued by the Bank is valid only if it is machine validated and/or acknowledgement by the Bank is provided to the IAH before the IAH leaves the premises of the Bank.

5.5 The IAH further agrees that all cheques and instrument(s) placed, or any transfer(s) whether by mail, telegraphically or electronically are accepted for collection only and except by special arrangement, may not be withdrawn until the proceeds have been received by the Bank. The Bank is entitled to refuse collection of cheques and instruments which in the Bank's opinion are irregular or which have been altered in any way notwithstanding that the alteration has been countersigned by the IAH.

5.6 The IAH agrees that in addition to these Terms and Conditions, the IAH shall be further bound by the conditions printed on the Account statement or leaflets containing the terms and conditions or brochures or on the back of the placement slips attached to the cheque placement envelopes and/or on receipts issued by cash or cheque deposit machines authorised by the Bank and such other Specific Terms which may be imposed by the Bank from time to time with an adequate notice prior to date of implementation.

5.7 The acceptance and continuance of TIA shall be entirely at the discretion of the Bank.

5.8 The Investment Account Holder (IAH) acknowledges and accepts that the investment made under the TIA is a non-principal guaranteed product. The IAH may experience a partial or total loss of the invested capital should the performance of the underlying assets not meet expectations. Such losses are to be borne by the IAH unless they are proven to be caused by the Bank's willful misconduct, gross negligence, or breach of specific terms.

6. REDEMPTION

6.1 The IAH agrees that any redemption from the TIA shall be made:

- by the IAH personally and shall be accompanied by the prescribed redemption notice or slip or any form issued by the Bank and may be subject to such production of proof of identity as the Bank may require; and/or

- by the IAH personally whether by way of oral or otherwise and/or signed instruction notwithstanding that the instruction document(s) may not have been completed by the IAH to withdraw any or all the money in any of the IAH's Banking Accounts. Upon investment placement and/or withdrawing the money, the IAH agrees that the transaction effected based on the IAH oral instruction which are duly acknowledged by the IAH by way of the IAH's signature shall be deemed final and conclusive.

6.2 The IAH may redeem the investment at maturity where the IAH may receive the principal investment amount with profit (if any) arising from the investment activities undertaken by the Bank.

6.3 The IAH understands and agrees that there may be circumstances where the Bank may not be able to meet withdrawal demands in a timely manner due to a mismatch between the investment tenor and the maturity profile of the underlying assets. This may result in delays or the Bank's inability to honour early redemption requests.

atau kerosakan yang disebabkan oleh kecuaian, penyelewengan atau salah laku yang disengajakan oleh pihak Bank.

5.4 PAP bersetuju dan berwa'd bahawa setiap deposit hendaklah disertai slip deposit yang ditetapkan, borang dan/atau resit yang dikeluarkan oleh Bank dan mengemukakan apa-apa dokumen lain yang mungkin diperlukan oleh Bank. Resit yang dikeluarkan oleh Bank hanya sah jika disahkan oleh mesin dan/atau melalui arahan lisan, diakui oleh pegawai Bank yang diberi kuasa dan/atau oleh PAP. PAP hendaklah memastikan bahawa pengesahan atau pengakuan ini dilakukan sebelum meninggalkan premis Bank.

5.5 PAP seterusnya bersetuju bahawa semua cek dan instrumen yang didepositkan, atau apa-apa pindahan sama ada melalui mel, melalui telegram atau elektronik diterima untuk pungutan hanya dan kecuali dengan pengaturan khas, tidak boleh dikeluarkan sehingga hasil kutipan telah diterima oleh Bank. Bank berhak menolak pungutan cek dan instrumen deposit yang pada pendapat Bank tidak sama atau yang telah dipinda dalam apa jua cara walaupun pindaan itu telah ditandatangani balas oleh PAP.

5.6 PAP bersetuju bahawa selain Terma dan Syarat ini, PAP terikat selanjutnya dengan syarat yang tercetak pada penyata Akaun Simpanan PAP atau risalah yang mengandungi terma dan syarat atau brosur atau di bahagian belakang slip deposit yang dilampirkan pada sampul deposit cek dan/atau pada resit yang dikeluarkan oleh mesin deposit tunai atau mesin deposit cek yang dibenarkan oleh Bank dan Terma Khas lain yang mungkin dikenakan oleh Bank dari masa ke masa dengan notis yang mencukupi sebelum tarikh pelaksanaan.

5.7 Penerimaan dan pengekalan TIA akan sepenuhnya mengikut budi bicara Bank.

5.8 Pemegang Akaun Pelaburan (PAP) mengakui dan menerima bahawa pelaburan di bawah TIA adalah produk yang tidak menjamin prinsipal. PAP mungkin mengalami kerugian sebahagian atau keseluruhan modal yang dilaburkan sekiranya prestasi aset pendasar tidak mencapai jangkaan. Kerugian tersebut hendaklah ditanggung oleh PAP kecuali dibuktikan bahawa ia disebabkan oleh salah laku disengajakan, kecuaian melampau, atau pelanggaran terma khusus oleh pihak Bank.

6. PENEBUSAN

6.1 PAP bersetuju bahawa apa-apa penebusan yang dibuat daripada TIA hendaklah dibuat:-

- oleh PAP dan hendaklah disertai dengan notis penebusan atau slip yang ditetapkan atau apa-apa borang yang dikeluarkan oleh Bank dan mungkin dikehendaki menunjukkan bukti pengenalan diri seperti yang dikehendaki oleh Bank; dan/atau

- ditandatangani walaupun dokumen itu mungkin tidak dilengkapkan oleh PAP untuk mengeluarkan apa-apa atau semua wang dalam mana-mana Akaun Perbankan PAP. Selepas mendeposit dan/atau mengeluarkan wang, PAP bersetuju bahawa transaksi yang dilaksanakan berdasarkan arahan lisan PAP yang diakui sewajarnya oleh PAP melalui tandatangan PAP hendaklah dianggap muktamad.

6.2 PAP boleh menebus pelaburan pada tempoh matang di mana PAP boleh menerima jumlah pelaburan pokok bersama-sama dengan bayaran keuntungan (jika ada) hasil daripada aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh pihak Bank.

6.3 PAP memahami dan bersetuju bahawa terdapat keadaan di mana pihak Bank mungkin tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran tepat pada masanya disebabkan ketidakpadanan antara tempoh pelaburan dan profil kematangan aset pendasar. Ini boleh

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

7. EARLY UPLIFTMENT / PREMATURE REDEMPTION

- 7.1 Premature Redemption is permitted. Early withdrawals are not entitled to any profit; however, at the Bank's discretion, the IAH may be granted a gift (hibah) of up to 1%, provided a notice period of thirty-one (31) calendar days for premature redemption is served by the IAH.
- 7.2 No profit will be paid for a TIA investment tenor of 1 month or less. The IAH shall waive their rights (tanazul) to any profit from the Bank.
- 7.3 The profit calculation is based on the total number of completed months of the investment.
- 7.4 Partial redemption of the investment before its maturity is not allowed.

8. CONDUCT OF ACCOUNT

- 8.1 The IAH may invest the money over the Bank's counter and/or internet banking, or any other mediums or services provided by the Bank.
- 8.2 The Bank shall issue a slip to the IAH when investing monies. The IAH is responsible for correctly filling in the relevant information on the slip before investing monies or using cheques. The counterfoil will be either bear computer validation or endorsed by authorized officer of the Bank. The IAH is to ensure that the counter foil bears the above endorsement before leaving the Bank's premises. Counterfoils are only valid as an acknowledgement of the receipt if they bear such endorsement.
- 8.3 As a condition of withdrawal from the Account over the Bank's counter, the IAH is required to be present personally at the Bank and provide the Bank with identification or information as proof of identity, and/or the IAH's signature on certain withdrawal documents signed in the presence of the Bank's personnel. Third party withdrawal is not permitted by the Bank.
- 8.4 The minimum investment amount is RM 5,000 for tenor of 1 month; and RM 1,000 for tenor of 3, 6, 9, 12 months or otherwise spelled out in the Product Disclosure Sheet and shall be determined by the Bank from time to time. The investment placements must be made in thousands (for example, RM1,000, RM2,000, RM3,000 and so on), subject to meeting the minimum placement amount according to the respective tenor and there is no maximum investment amount.
- 8.5 The Account can be closed upon request by the IAH. The IAH must come to the holding/home branch personally or alternatively, the Bank may also be notified in writing on the presentation of relevant documents proof of identity.
- 8.6 In the event that if the IAH is unable to be present at holding/home branch, a letter of authorization to be signed by the authorized signatory to close the Account can be posted to holding/home branch.
- 8.7 The Bank reserves the right to immediately close any of Account that falls under the following situations (where applicable):
 - a) Upon receiving written requests from the IAH;
 - b) Upon result search with CTOS, and internal negative list is confirmed that the IAH is bankrupt, or blacklisted;

7. PENEBUSAN AWAL / PENEBUSAN PRAMATANG

- 7.1 Penebusan Pramatang dibenarkan. Pengeluaran awal tidak layak untuk sebarang keuntungan; walau bagaimanapun, atas budi bicara Bank, PAP boleh diberikan hadiah (hibah) sehingga 1%, dengan syarat tempoh notis selama tiga puluh satu (31) hari kalender untuk penebusan pramatang dikemukakan oleh PAP.
- 7.2 Tiada keuntungan akan dibayar bagi pelaburan TIA untuk tempoh 1 bulan atau kurang. PAP akan melepaskan hak mereka (tanazul) ke atas sebarang keuntungan daripada pihak Bank.
- 7.3 Pengiraan keuntungan adalah berdasarkan jumlah bulan penuh pelaburan.
- 7.4 Penebusan sebahagian daripada jumlah pelaburan sebelum tarikh matang adalah tidak dibenarkan.

8. PENGENDALIAN AKAUN

- 8.1 PAP boleh melaburkan wang di kaunter Bank dan perbankan internet, atau melalui sebarang medium atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak Bank.
- 8.2 Pihak Bank akan mengeluarkan slip deposit kepada PAP apabila memasukkan wang tunai atau cek. PAP hendaklah memastikan segala butir-butir yang dikehendaki diisi dengan betul sebelum memasukkan cek atau wang tunai. Bukti urusan pada salinan pendua sama ada dengan pengesahan komputer atau disahkan oleh pegawai Bank yang bertugas. PAP hendaklah memastikan bahawa salinan pendua tersebut mempunyai pengesahan sebelum meninggalkan premis Bank. Salinan pendua hanya sah sebagai penerimaan resit sekiranya mempunyai pengesahan seperti yang dinyatakan.
- 8.3 Sebagai syarat pengeluaran dari Akaun di kaunter Bank, PAP hendaklah menghadirkan diri ke cawangan Bank dan membawa bersama dokumen pengenalan atau maklumat sebagai bukti pengenalan, dan/atau tandatangan PAP pada sesetengah dokumen pengeluaran yang telah ditandatangani di hadapan kakitangan Bank. Pengeluaran oleh pihak ketiga adalah tidak dibenarkan.
- 8.4 Jumlah pelaburan minimum ialah RM 5,000 untuk tempoh 1 bulan; dan RM 1,000 untuk tempoh 3, 6, 9, 12 bulan atau sebaliknya dinyatakan dalam Risalah Pendedahan Produk dan akan ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa. Pelaburan hendaklah dibuat dalam gandaan ribu (contohnya, RM1,000, RM2,000, RM3,000 dan seterusnya), tertakluk kepada jumlah pelaburan minimum mengikut tempoh pelaburan yang ditetapkan, dan tiada had maksimum bagi jumlah pelaburan.
- 8.5 Akaun boleh ditutup atas permintaan PAP. PAP hendaklah menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama atau secara alternatif, menghubungi pihak Bank dengan secara bertulis dengan menyertakan dokumen-dokumen pengenalan diri yang berkenaan sebagai bukti.
- 8.6 Sekiranya PAP tidak dapat menghadirkan diri ke cawangan pegangan/utama, pihak PAP boleh menghantar Surat Kebenaran Penutupan Akaun yang telah ditandatangani oleh penandatangan sah yang berdaftar ke cawangan pegangan/utama melalui pos.
- 8.7 Pihak Bank mempunyai hak untuk menutup mana-mana Akaun serta merta yang termasuk di bawah keadaan seperti berikut:
 - a) Atas permintaan bertulis daripada PAP;
 - b) Atas hasil carian dengan CTOS, Sistem Maklumat Cek Tak Laku ("SMCTL") dan senarai negatif dalam mengesahkan bahawa PAP telah muflis atau disenarai hitamkan;

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

- c) Upon discretion of the Bank after giving due notice to the IAH; or
 - d) Upon directive by the approved authorities or upon violation of any rules and regulations by Bank Negara Malaysia and/or other authority, law enforced to the Bank.
- 8.8 The Bank shall have the right to suspend any withdrawal of TIA under any of the following circumstances:
- a) Market wide failure or financial/economic crisis which includes but not limited to stock market crash or asset-price crash;
 - b) Exceptional operational failure such as wide-scaled black-out or system failure;
 - c) Underlying assets shall not be capable of being liquidated at appropriate price;
 - d) The IAH's interest will be at jeopardy if redemption is not suspended; or
 - e) Any other events or circumstances which the Bank may at its reasonable discretion determine.

9. SCOPE OF WAKALAH

- 9.1 The IAH hereby give a sum of money as the investment capital, once the money being placed into my/our account for the purpose of this investment under the contract of Wakalah Bi al-Istithmar. The IAH hereby appoint Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) as an agent to invest the said money in any permitted investment which do not contravene with the Shariah principle. The IAH hereby agree to this Terms and Conditions based on Wakalah concept and any loss incurred from the said permitted investment shall be my/our liability.
- 9.2 The Bank hereby agree to invest the money invested in the account under the contract of Wakalah and hereby covenant to invest the same in the permitted investment only which does not contravene with the Shariah principle. We hereby agree with the Bank's Terms and Conditions based on Wakalah concept. We shall not be held liable for any loss incurred from the said investment save and except for any loss arising from our wilful misconduct, gross negligence or fraud.
- 9.3 TIA utilizes the contract of *Wakalah* whereby the IAH invests capital to be managed by the Bank as an agent (*wakil*) without any specific restrictions and the Bank invests the capital into the Investment Account Fund.
- 9.4 Under TIA, the Bank as *wakil* cannot and does not guarantee the Investment Amount (principal) and the profit expected from the Investment.
- 9.5 Any actual profit generated from the investment that is lower than the expected profit is to be paid to the IAH, whereas any actual profit in excess of the expected profit is to be treated in accordance with the agreed terms and conditions will be retained by the Bank as the performance fee.
- 9.6 Pursuant to the mandate granted by the IAH to the Bank as *wakil*, the IAH consents and grants the rights to the Bank to undertake investment activities within the purview of the allocated Portfolio Assets in the best manner possible under the relevant prevailing circumstance in relation to the size of the total Investment Amount.
- 9.7 The Bank shall be authorised to sign and execute all documents and do all acts and observe and perform all obligations required to be done in connection with the appointment as agent.

- c) Atas budi bicara pihak Bank selepas memberi notis yang sewajarnya kepada PAP; atau
 - d) Atas arahan oleh pihak berkuasa yang diluluskan atau melanggar peraturan Bank Negara Malaysia dan autoriti/undang-undang lain yang dikuatkuasakan ke atas pihak Bank.
- 8.8 Bank mempunyai hak untuk menggantung mana-mana pengeluaran TIA di bawah mana-mana hal atau keadaan yang berikut:
- a) Kegagalan pasaran luas atau krisis kewangan/ekonomi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada kejatuhan pasaran stok atau kemerosotan harga aset;
 - b) Kegagalan operasi luar biasa seperti bekalan elektrik terputus berskala besar atau kegagalan sistem;
 - c) Aset asas yang tertentu tidak mampu dicairkan pada harga yang sesuai;
 - d) Kepentingan IAH akan terjejas jika penyebusan tidak digantung; atau
 - e) Apa-apa peristiwa atau hal keadaan lain yang tertakluk pada budi bicara Bank.

9. SKOP WAKALAH

- 9.1 PAP dengan ini bersetuju untuk menyerahkan sejumlah wang sebagai modal pelaburan, apabila wang tersebut dimasukkan di dalam akaun saya/kami bagi tujuan pelaburan berlandaskan kontrak Wakalah Bi al-Istithmar. PAP melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank) sebagai wakil saya/kami untuk melaburkan modal tersebut bagi sebarang urusan pelaburan yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Saya/Kami juga bersetuju dengan Terma dan Syarat pihak Bank berdasarkan konsep Wakalah dan sebarang kerugian sekiranya berlaku adalah di bawah tanggungan saya/kami selaku pemodal.
- 9.2 Pihak Bank bersetuju melaburkan wang tersebut di bawah kontrak Wakalah. Pihak kami berjanji menguruskan wang tersebut sebaik mungkin untuk pelaburan yang tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Pihak kami juga bersetuju dengan nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui bersama sepertimana Terma dan Syarat pihak Bank berdasarkan konsep Wakalah. Pihak kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kecuali sekiranya kerugian tersebut disebabkan oleh salah laku yang disengajakan, kecualian melampau atau penipuan daripada pihak Bank.
- 9.3 TIA menggunakan kontrak *Wakalah* di mana PAP melaburkan modal untuk diuruskan oleh pihak Bank sebagai ejen (*wakil*) tanpa sebarang sekatan spesifik dan pihak Bank melaburkan modal tersebut ke dalam Dana Akaun Pelaburan.
- 9.4 Di bawah TIA, pihak Bank sebagai *wakil* tidak boleh menjamin dan tidak menjamin Amaun Pelaburan (prinsipal) dan juga keuntungan yang dijangka daripada Pelaburan.
- 9.5 Sebarang keuntungan sebenar yang dijana daripada pelaburan yang lebih rendah daripada keuntungan yang dijangkakan akan dibayar kepada PAP, manakala sebarang keuntungan sebenar yang melebihi keuntungan yang dijangkakan akan diuruskan mengikut terma dan syarat yang dipersetujui akan diserap oleh Bank sebagai yuran prestasi.
- 9.6 Selaras dengan mandat yang diberikan oleh PAP kepada pihak Bank sebagai *wakil*, PAP bersetuju dan memberikan hak kepada Bank untuk mengusahakan aktiviti pelaburan di bawah skop Aset Portfolio yang diperuntukkan dalam cara sebaik mungkin di bawah keadaan semasa yang berkaitan dengan saiz jumlah Amaun Pelaburan.
- 9.7 Pihak Bank diberi kuasa untuk menandatangani dan menyempurnakan segala dokumen dan menjalankan semua

TERMS AND CONDITIONS OF TERM INVESTMENT ACCOUNT-i ("TIA")

(Not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

TERMA DAN SYARAT BAGI AKAUN PELABURAN BERJANGKA-i ("TIA")

(Tidak Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia)

9.8 Bank shall be authorised to delegate its rights and duties as an agent to any third party to do all acts necessary for the completion of the required transaction.

9.9 The Bank required to do all the administrative duties regarding handling of the Investment Asset.

9.10 The IAH shall be bound by any contract or agreement that the Bank enters into on my/our behalf with any third party pursuant to this Letter of Appointment.

9.11 The IAH irrevocably and unconditionally agree and undertake to indemnify and keep indemnified the Bank against all losses, damages, costs, charges, expenses, claims, proceedings and liabilities suffered or incurred by the Bank to the extend permissible by law.

This undertaking is applicable, save and except for any loss or damage caused by the gross negligence, fraud or willful misconduct of the Bank and/or the Bank's nominees on full indemnity basis, as a result of or by reason of any transaction entered into by the Bank or any part thereof or any action or step taken by the Bank under this appointment (including the costs of enforcing the same) or by reason of anything done or omitted by the Bank pursuant to or in relation to or in any way connected to the exercise of its powers, discretions, duties and obligations under this appointment.

9.12 The appointment of the Bank as an agent to manage the Investment shall not create or be deemed to create a partnership or a joint venture between the parties, nor shall it establish a relationship of principal or agent in any other relationship between me/us and the Bank.

10. UNCLAIMED MONIES

10.1 Under the prevailing Unclaimed Monies Act 1965, any monies standing to the credit of an account that has not been operated in whatever manner by the IAH(s) for a period of not less than seven (7) years will be classified as "Unclaimed Money". The IAH will be given a notice within twenty-one (21) calendar days notice prior sending the monies to the Registrar of Unclaimed Monies ("the RUM").

11. CHANGE IN PARTICULARS

11.1 No change in the IAH's information, address, telephone number or, facsimile number, or other IAH's particulars recorded with the Bank, howsoever brought about shall be effective or binding on the Bank unless the IAH has given to the Bank a written notice of such changes. The changes shall be affected or prejudiced by any subsequent change in the address over which the Bank has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.

All communication sent by the Bank by electronic mail and or short messaging service (SMS) and or by post to or left at the IAH's address last registered with the Bank, shall be deemed as delivered to and received by the IAH unless there is conflicting evidence that the notice was actually not served.

11.2 The IAH is requested to notify the Bank in writing not later than three (3) days of any changes of address or any other pertinent particulars in the Bank's records and the other similar forms (et cetera). All

tindakan dan mematuhi dan melaksanakan semua kewajipan yang perlu dilakukan yang berkaitan dengan perlantikan sebagai ejen.

9.8 Pihak Bank diberi kuasa untuk mewakilkan hak dan kewajipannya sebagai ejen kepada mana-mana pihak ketiga untuk melaksanakan semua tindakan yang diperlukan bagi menyempurnakan transaksi yang diperlukan.

9.9 Pihak Bank perlu melakukan semua tugas-tugas pentadbiran berhubung dengan pengendalian Aset Pelaburan tersebut.

9.10 PAP akan terikat dengan mana-mana kontrak atau perjanjian yang dimasuki oleh Bank bagi pihak saya/kami dengan pihak ketiga selaras dengan Surat Perlantikan ini.

9.11 PAP secara tidak boleh batal dan tanpa syarat bersetuju dan berjanji untuk menanggung kerugian dan sentiasa menjamin Bank terhadap semua kerugian, ganti rugi, kos, caj, perbelanjaan, tuntutan, prosiding dan liabiliti yang dialami atau ditanggung oleh Bank setakat yang dibenarkan oleh undang-undang.

